

## **Hubungan faktor situasi keluarga (konflik keluarga) dengan penghargaan sendiri di kalangan pelajar bermasalah**

### **ABSTRAK**

Tujuan kajian adalah untuk mengkaji faktor situasi keluarga (kawalan, keperihatinan sosial, konflik keluarga) dengan penghargaan sendiri di kalangan pelajar bermasalah sekolah menengah di pedalaman pantai timur Sabah. Seramai 494 orang pelajar terlibat dalam kajian ini (349 = pelajar lelaki; 145 = pelajar perempuan). Alat kajian yang digunakan adalah Beck Codependence Assessment Scale (BCAS) untuk mengukur kebergantungan pelajar dan Rosenberg Self –Esteem (RSE) bagi melihat penghargaan sendiri. Dapatan kajian menunjukkan penghargaan sendiri dikalangan pelajar yang bermasalah adalah berada pada tahap sederhana iaitu 69.2 %. Hasil kajian juga menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara faktor situasi keluarga (konflik keluarga) dengan penghargaan sendiri ( $r = .22$ ). Hubungan bagi pemboleh ubah konflik keluarga ke atas penghargaan sendiri menjelaskan semakin ketara lagi konflik keluarga yang berlaku dalam keluarga, makin tinggi subjek menilai diri sendiri. Misalnya, semakin banyak faktor perselisihan dan ketidaksefahaman antara ahli keluarga maka semakin tinggi penghargaan sendiri yang dimiliki oleh pelajar yang bermasalah. Walau bagaimanapun tidak terdapat hubungan yang signifikan bagi faktor situasi keluarga (kawalan dan keperihatinan sosial) dengan penghargaan sendiri. Ini menunjukkan pelajar– pelajar yang bermasalah ini perlu diberi perhatian yang lebih serius oleh pihak sekolah terutama dengan menyediakan khidmat bimbingan dan kaunseling supaya mereka mempunyai peluang yang sama untuk maju dan berjaya dengan pelajar lain.